

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) (Pindaan) 1990. Tajuk ringkas.

2. Seksyen 2 Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda— Pindaan seksyen 2. Akta 290.
 - (a) dengan memasukkan, selepas takrif "hospital awam", takrif yang berikut:

* "hospital swasta" ertinya hospital yang didaftarkan di bawah Akta 43. Akta Hospital Persendirian 1971;";
 - (b) dengan memasukkan, selepas perkataan "pekeliling," dalam takrif "iklan", perkataan-perkataan "laporan, ulasan,"; dan
 - (c) dengan memotong perkataan "berdaftar" dalam takrif "pegawai berkuasa".

Pindaan
seksyen 3.

3. Seksyen 3 Akta ibu adalah dipinda, dalam subseksyen (1)—

- (a) dengan memasukkan, selepas perkataan-perkataan "sebagai suatu ubat", perkataan-perkataan ", alat atau penyembuh"; dan
- (b) dengan menggantikan noktah bertindih di akhir perenggan (c) dengan koma bernoktah dan dengan memasukkan selepas perenggan itu perenggan yang berikut:
 - "(d) mendiagnosis sesuatu penyakit seperti yang dinyatakan dalam Jadual:".

Pindaan
seksyen 4A.

4. Seksyen 4A Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikannya dengan seksyen yang berikut:

"Larangan terhadap iklan yang berhubungan dengan kemahiran atau perkhidmatan.

4A. Tertakluk kepada Akta ini, tiada seorang pun boleh mengambil bahagian dalam penyiaran apa-apa iklan—

- (a) yang merujuk kepada apa-apa kemahiran atau perkhidmatan yang berhubungan dengan rawatan, pencegahan atau diagnosis bagi apa-apa ailmen, penyakit, kecederaan, kelemahan atau keadaan yang melibatkan tubuh manusia; dan
- (b) yang dapat mendorong, atau yang mengandungi pelawaan, sama ada nyata atau tersirat, kepada, mana-mana orang untuk mendapatkan nasihat pengiklan atau mana-mana orang yang dirujuk dalam iklan itu berkaitan dengan kemahiran atau perkhidmatan itu:

Dengan syarat bahawa seksyen ini tidaklah terpakai bagi apa-apa iklan yang disiarkan—

- (aa) dengan kelulusan Menteri, oleh mana-mana badan profesional yang berhubungan dengan profesion perubatan atau dengan mana-mana profesion berkaitan yang lain yang

ditubuhkan oleh atau didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis; atau

(bb) dengan kelulusan Lembaga Iklan Ubat yang ditubuhkan oleh Menteri, oleh mana-mana hospital swasta atau oleh mana-mana—

(i) klinik swasta;

(ii) klinik radiologi swasta;

(iii) makmal perubatan swasta,

yang dikendalikan oleh seseorang pengamal perubatan berdaftar yang mempunyai perakuan pengalaman

Akta 50. tahunan yang sah di bawah Akta Perubatan 1971."

5. Seksyen 4B Akta ibu adalah dipinda, dalam subseksyen (1)— Pindaan seksyen 4s.

(a) dengan memasukkan, selepas perkataan-perkataan "sebagai ubat", perkataan-perkataan ", alat atau penyembuh"; dan

(b) dengan memotong perkataan-perkataan "yang ditubuhkan bagi maksud ini oleh Menteri".

6. Seksyen 6A Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan "berdaftar". Pindaan seksyen 6A.

7. Seksyen 6B Akta ibu adalah dipinda dengan menomborkan seksyen yang ada sebagai subseksyen (1) seksyen 6B dan dengan memasukkan, selepas itu, subseksyen-subseksyen yang berikut: Pindaan seksyen 6s.

"(2) Seseorang pegawai berkuasa yang membuat penyiasatan di bawah Akta ini boleh, melalui perintah bertulis, menghendaki supaya nadir di hadapannya mana-mana orang yang, daripada maklumat yang diberikan atau selainnya, didapati tahu tentang hal-hal keadaan kes itu, dan orang itu

hendaklah hadir sebagaimana yang dikehendaki sedemikian:

Dengan syarat bahawa tiada seorang pun boleh dikehendaki di bawah seksyen ini melakukan perjalanan yang lebih daripada dua belas kilometer dari tempat tinggalnya yang biasa, tidak termasuk apa-apa bahagian perjalanan itu yang boleh dilakukan dengan keretapi, kereta motor atau kenderaan lain.

(3) Jika mana-mana orang enggan hadir sebagaimana yang dikehendaki oleh suatu perintah yang dikeluarkan di bawah subseksyen (2), maka pegawai berkuasa yang mengeluarkan perintah itu boleh melaporkan keengganan itu kepada Majistret yang boleh sesudah itu, mengikut budi bicaranya, mengeluarkan waran untuk memastikan kehadiran orang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh perintah itu."

Pindaan
seksyen 6F.

8. Seksyen 6r Akta ibu adalah dipinda dalam subseksyen (2) dengan menggantikan perkataan-perkataan "ahli farmasi berdaftar dalam perkhidmatan awam yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pendakwa Raya" dengan perkataan-perkataan "pegawai berkuasa".

Pindaan
seksyen 7.

9. Seksyen 7 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam perenggan (a), dengan memasukkan, selepas perkataan-perkataan "bagi maksud", perkataan-perkataan "seksyen 4A dan"; dan
- (b) dalam perenggan (b), dengan memasukkan, selepas perkataan-perkataan "diluluskan di bawah", perkataan-perkataan "seksyen 4A dan".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 (selepas ini disebut "Akta").

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 2 Akta untuk memasukkan perkataan-perkataan "laporan, ulasan" ke dalam takrif "iklan" untuk menjelaskan bahawa laporan dan ulasan termasuk dalam bidang takrif itu.

Fasal ini juga bertujuan meminda takrif "pegawai berkuasa" dengan memotong perkataan "berdaftar" yang mengkhususkan "ahli farmasi" dalam takrif itu. Istilah "ahli farmasi berdaftar" sekarang ini bererti seseorang ahli farmasi yang berdaftar di bawah Ordinan Pendaftaran Ahli Farmasi 1951, yang terpakai hanya di Malaysia Barat sahaja. Oleh itu, seseorang ahli farmasi dalam perkhidmatan awam di Sabah atau Sarawak tidak boleh dilantik sebagai pegawai berkuasa di bawah Akta. Pindaan ini akan memperbetul keadaan itu.

3. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 3 Akta supaya larangan dalam seksyen itu tidak hanya meliputi iklan-iklan yang direncanakan untuk mendorong penggunaan apa-apa artikel sebagai ubat tetapi juga iklan-iklan yang direncanakan untuk mendorong penggunaan apa-apa artikel sebagai suatu aiat atau penyembuh bagi, antara lain, mencegah atau merawat penyakit.

Fasal 3 juga bertujuan menambah suatu perenggan baru (*d*) kepada subseksyen (1) seksyen 3 untuk melarang iklan yang direncanakan untuk mendorong penggunaan apa-apa artikel bagi maksud mendiagnosis penyakit-penyakit yang dinyatakan dalam Jadual kepada Akta.

4. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 4A Akta untuk memperjelas larangan dalam seksyen itu dan untuk meluaskan larangan itu kepada iklan-iklan yang merujuk kepada apa-apa kemahiran atau perkhidmatan yang berhubungan dengan *pencegahan* dan *diagnosis* apa-apa ailmn, penyakit, kecederaan, kelemahan atau keadaan yang melibatkan tubuh manusia. Sekarang ini larangan itu hanya meliputi *rawatan* ailmn, penyakit, kecederaan, kelemahan atau keadaan itu. Ini akan membolehkan iklan-iklan yang berhubungan dengan perkhidmatan radiologi dan analisis klinikal dikawal.

Fasal ini juga bertujuan membenarkan hospital-hospital yang didaftarkan di bawah Akta Hospital Persendirian 1971, serta juga klinik-klinik perubatan swasta, klinik-klinik radiologi swasta dan makmal-makmal perubatan swasta, mengiklankan kemahiran atau perkhidmatan mereka, tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.

5. *Fasal 7* bertujuan meminda seksyen 6B Akta untuk memberikan kuasa kepada seseorang pegawai berkuasa yang sedang menyiasat pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini

6 RANG UNDANG-UNDANG

memerintahkan mana-mana orang yang didapati tahu tentang hal-hal keadaan kes itu hadir di hadapan pegawai itu bagi maksud pemeriksaan di bawah Akta. Tujuan pindaan ini ialah untuk mempermudah penyiasatan sedemikian.

6. *Fasal 8* bertujuan meminda subseksyen (2) seksyen 6F Akta untuk membolehkan mana-mana pegawai berkuasa menjalankan pendakwaan berkenaan dengan kesalahan-kesalahan di bawah Akta. Pada masa ini hanya ahli farmasi berdaftar dalam perkhidmatan awam yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pendakwa Raya boleh menjalankan pendakwaan itu.

7. Pindaan-pindaan lain adalah pindaan-pindaan yang kecil atau yang berbangkit sahaja.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1318.]